

18/07/2002

Buat pilihan berdasarkan manfaat dan masa depan

BERAKHIR sudah tempoh lapan hari berkempen yang disifatkan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sebagai 'kasar dan tidak berperikemanusiaan'. Berbanding pilihan raya kecil sebelumnya yang berlangsung selepas pilihan raya umum 1999 - didahului oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang dan yang terakhir di DUN Ketari - kempen pembangkang kali ini adalah yang terburuk dengan budaya samseng di samping fitnah dan pembohongan menjadi galang ganti ketiadaan isu untuk dibangkitkan. Kata-nista dan cacian terhadap pemimpin kerajaan selain mengada-adakan pelbagai cerita dijadikan tukaran terhadap undi. Perbuatan seumpama ini sebenarnya tidak ubah seperti merendah-rendahkan pengundi dengan harapan mereka dapat dikeliru atau diperdayakan untuk meraih sokongan dan simpati.

Hari ini, pemilih di kawasan Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit membuang undi untuk memilih wakil rakyat mereka yang baru berikutan kematian Datuk Fadzil Noor, 23 Jun lalu. Pilihan buat mereka ialah di antara calon Umno yang mewakili Barisan Nasional (BN) dan calon Pas. Sepanjang kempen, BN mengemukakan rekod kejayaannya dalam membangunkan ekonomi, mengekalkan keamanan dan kestabilan serta memelihara perpaduan. Pembangkang pula masih bermodalkan isu lama seperti dakwaan penyelewengan oleh pemimpin BN serta menghentam peribadi mereka dengan pelbagai hinaan, termasuk mengedar risalah yang antara lain memaparkan tajuk 'Mahathir Paderi Besar Gereja' dan 'Penjual babi tak layak jadi PM'. Kandungan kebanyakan ceramah mereka juga lebih berkisar kepada menerbitkan kebencian terhadap BN dan kerajaan.

Tafsiran terhadap pilihan raya kecil hari ini juga pelbagai. Dari satu sudut, ia dianggap ujian besar kepada Umno dan Pas yang masing-masing menghadapi proses peralihan kepemimpinan. Dari sudut berbeza pula, kemenangan BN akan dianggap mengukuhkan penerimaan rakyat terhadap kerajaan di samping menolak politik ketaksuban dan kebencian yang dijaja Pas, manakala parti pembangkang itu pula berdepan tekanan untuk mengekalkan kerusi yang ditinggalkan bekas ketua mereka atas faktor maruah dalam meneruskan impian merampas Kedah dalam pilihan raya umum akan datang. Disebabkan 'hadiah' yang menjadi rebutan kali ini dianggap amat besar, tidak hairanlah kempen yang berakhir tengah malam tadi jauh lebih hangat daripada biasa hingga ada pihak-pihak yang memilih untuk memfitnah dan memaki-hamun yang kononnya dalam keadaan tertentu dihalalkan oleh agama.

Kita percaya pengundi di Pendang dan Anak Bukit sudah matang untuk membuat pilihan tepat dalam membezakan di antara kebenaran dan kebatilan, di antara fakta dan pembohongan, di antara rayuan dan penghinaan, dan di antara Islam yang mengutamakan tujuan ajaran sebenar dan Islam yang memberikan penekanan kepada 'ritual' atau cara. Sejak hari penamaan calon lagi, BN dan Pas mengadakan kempen besar-besaran, sama ada melalui perhimpunan, perjumpaan, ceramah, kunjungan dari rumah ke rumah dan bisikan dari hati ke hati. Sesudah pemimpin parti, petugas dan peraih undi masing-masing selesai menjalankan tugas, kini tanggungjawab terletak di bahu pengundi. Pada akhirnya, pengundi hendaklah menggunakan hak masing-masing tanpa perlu takut menentukan pilihan.

Di sebalik memangkah kertas undi sebagai satu kerja mudah, pengundi turut menggalas tanggungjawab berat dalam menentukan pilihan berdasarkan manfaat yang boleh dibawa seseorang wakil rakyat terhadap kelompok masyarakat yang diwakilinya. Pilihan raya bukan untuk menyenangkan wakil

rakyat yang dipilih, sebaliknya kebajikan dan masa depan rakyat yang diwakili adalah lebih utama. Atas kesedaran itu, pengundi hendaklah keluar beramai-ramai dalam memberikan mandat secara bijaksana kepada calon yang diyakini dapat mengembalikan amanah itu dengan sebaik-baiknya. Polis juga memberi jaminan bahawa segala persiapan sudah dibuat bagi melicinkan perjalanan pengundian tanpa pengundi perlu berasa bimbang terhadap sebarang ugutan, selaras dengan amalan demokrasi bahawa setiap satu undi itu amat berharga.